



**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER PERTAMA SESI 1999/2000**

**KOD/NAMA KURSUS :** AN1042 KENEGARAAN MALAYSIA

**TARIKH :** 11 SEPTEMBER 1999 (SABTU)

**MASA :** 9.00 – 11.30 PAGI (2 ½ JAM)

**TEMPAT :** SEMUA DKG (1,2,3), DP (1,2,3), DMS DAN TE

**ARAHAN :**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian iaitu Bahagian A, B dan C di dalam **EMPAT BELAS (14)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan di Bahagian A dan **LIMA (5)** soalan dari Bahagian B dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja dari Bahagian C.
3. Borang jawapan objektif (Bahagian A), kertas jawapan untuk Bahagian B dan kertas jawapan untuk Bahagian C hendaklah diikat dengan kemas.
4. Pastikan anda menulis nama kumpulan dan pensyarah masing-masing dengan **JELAS**.

**NO. MATRIK :** \_\_\_\_\_

--	--	--	--	--	--

( dengan perkataan )

( dengan angka )

**NO. KAD PENGENALAN :**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**NAMA PENSYARAH :** \_\_\_\_\_

**KUMPULAN :**

--

**JANGAN BUKA SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

KOD/NAMA KURSUS : AN1042 KENEGARAAN MALAYSIA

TARIKH/MASA :

NO. MATRIK : \_\_\_\_\_

NAMA PENSYARAH : \_\_\_\_\_ KUMPULAN : \_\_\_\_\_

BAHAGIAN A (OBJEKTIF)


- |     |     |     |     |     |     |     |     |     |     |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| 1.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 21. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 2.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 22. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 3.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 23. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 4.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 24. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 5.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 25. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 6.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 26. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 7.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 27. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 8.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 28. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 9.  | =A= | =B= | =C= | =D= | 29. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 10. | =A= | =B= | =C= | =D= | 30. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 11. | =A= | =B= | =C= | =D= | 31. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 12. | =A= | =B= | =C= | =D= | 32. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 13. | =A= | =B= | =C= | =D= | 33. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 14. | =A= | =B= | =C= | =D= | 34. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 15. | =A= | =B= | =C= | =D= | 35. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 16. | =A= | =B= | =C= | =D= | 36. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 17. | =A= | =B= | =C= | =D= | 37. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 18. | =A= | =B= | =C= | =D= | 38. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 19. | =A= | =B= | =C= | =D= | 39. | =A= | =B= | =C= | =D= |
| 20. | =A= | =B= | =C= | =D= | 40. | =A= | =B= | =C= | =D= |

Soalan 1 dan 2 adalah berdasarkan senarai di bawah.

1875	-	Pembunuhan J.W.W. Birch
1895	-	Penentangan Dol Said
1895	-	Pemberontakan Datuk Bahaman
1915	-	Pemberontakan Tok Janggut
1928	-	Penentangan Haji Abdul Rahman Limbong

1. Keadaan di atas lebih disebabkan oleh
  - A. kesedaran semangat kebangsaan yang telah berkembang di kalangan penduduk tempatan.
  - B. dasar-dasar British yang lebih memihak kepada masyarakat imigran.
  - C. dipengaruhi oleh gerakan semangat kebangsaan di Indonesia.
  - D. pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh British dianggap sebagai mencabar pemimpin-pemimpin tradisi tempatan.
  
2. Apakah istilah yang paling sesuai merujuk kepada gerakan-gerakan di atas?
  - A. Revolusi massa
  - B. Gerakan tani
  - C. Gerakan Ratu Adil
  - D. Gerakan separa politik
  
3. Gerakan nasionalisma awal di Tanah Melayu telah gagal mencapai matlamat mereka kerana
  - i. tidak ada rasa kekitaan di kalangan penduduk tempatan.
  - ii. orang Melayu telah berpuas hati dengan kemudahan yang telah disediakan oleh British.
  - iii. penduduk tempatan hanya memikirkan soal ekonomi sahaja.
  - iv. ketiadaan pemimpin unggul bagi mengetuai gerakan mereka.
  - A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. i dan iv
  - D. ii dan iv

Soalan 4 dan 5 adalah berdasarkan kenyataan di bawah



4. X merujuk kepada
- A. Kesatuan Melayu Muda
  - B. Persatuan Sahabat Pena
  - C. Kaum Muda
  - D. Persatuan Muslim Semelaya
5. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya konflik antara X dengan ulama-ulama yang berfahaman lama dalam masyarakat Melayu pada masa itu?
- A. Pertentangan pendapat
  - B. Perebutan kuasa
  - C. Layanan penjajah yang lebih baik terhadap X
  - D. Perbezaan mazhab
6. \_\_\_\_\_ parti Melayu yang pertama ditubuhkan di negara ini yang dipelopori oleh golongan menengah Melayu pada masa itu.
- A. Kesatuan Melayu Singapura
  - B. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
  - C. Pembela Tanah Air
  - D. Kesatuan Melayu Muda
7. Berikut ialah tuntutan-tuntutan yang telah dikemukakan kepada British oleh nasionalis-nasionalis aliran sederhana di sekitar tahun 1950 an bagi mempertingkatkan kedudukan orang Melayu.
- i. Pembentukan satu dasar ekonomi yang lebih adil
  - ii. Memberikan peluang bagi anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran ke universiti
  - iii. Menyekat kemasukan kaum imigran ke Tanah Melayu
  - iv. Mengambil lebih ramai tenaga kerja Melayu dalam pentadbiran British
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. i, ii dan iii

8. Gerakan Nasionalisme Melayu pada tahap keagamaan dipengaruhi oleh

- i. gerakan Pan-Islamisme
- ii. gerakan Al-Manar
- iii. gerakan Wahabi
- iv. gerakan Islah

- A. i dan iii
- B. i, ii dan iii
- C. i, ii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

9. Sebagai sebuah parti yang radikal, Kesatuan Melayu Muda telah menggunakan sebuah penerbitan sebagai alat penyebaran ideologi mereka. Apakah nama penerbitan tersebut?

- A. Al-Imam
- B. Warta Melayu
- C. Utusan Melayu
- D. Warta Zaman

10. Berdasarkan pernyataan di bawah, yang manakah dapat menerangkan konsep 'nasionalisme' dengan betul?

- i. Gerakan mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.
- ii. Gerakan kesedaran untuk memperluaskan identiti bangsanya kepada pihak lain.
- iii. Gerakan yang memperlihatkan kekuasaan atau kekuatan sesuatu bangsa.
- iv. Gerakan memperlihatkan kesetiaan kepada tanah air.

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. ii dan iv

11. Berdasarkan kepada pendapat Furnivall terhadap masyarakat majmuk, pilih kenyataan yang berkaitan dengan ciri-ciri kepelbagaian yang terdapat di negara kita.

- i. Bahasa ibunda yang berbagai-bagai
- ii. Agama dan bangsa yang berlainan
- iii. Kepelbagaian adat resam
- iv. Sistem politik mengikut kaum


- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

12. Di antara parti-parti politik Melayu yang telah bergabung dalam Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ialah

- i. Pembela Tanahair (PETA)
- ii. Angkatan Pemuda Insaf (API)
- iii. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
- iv. Angkatam Wanita Sedar (AWAS)

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

13.



Pilihanraya Umum 1955 disifatkan sebagai titik tolak tuntutan kemerdekaan. Walau bagaimanapun terdapat 3 peristiwa penting yang berlaku sebelum kemerdekaan diisytiharkan. Berdasarkan rajah di atas, peristiwa yang dimaksudkan adalah


- A. Suruhanjaya Reid - Perisytiharan Perlembagaan Persekutuan - Suruhanjaya Cobbold
- B. Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan – Rombongan Kemerdekaan – Suruhanjaya Reid
- C. Rombongan Kemerdekaan ke London – Suruhanjaya Reid – Suruhanjaya Cobbold
- D. Rombongan Kemerdekaan ke London – Suruhanjaya Reid – Perlembagaan Persekutuan diisytiharkan.

Soalan 14 dan 15 adalah berdasarkan kepada pernyataan di bawah.

Langkah terpenting yang dijalankan dalam Rancangan Briggs ialah memindahkan kaum Cina (Y) di pinggir hutan ke kawasan petempatan yang baru yang dikenali sebagai Kampung Baru

14. Apakah faktor yang telah menyebabkan pelaksanaan rancangan di atas?
- A. Pendudukan Jepun
  - B. Pemberontakan Parti Komunis Malaya
  - C. Gerakan Bintang Tiga
  - D. Rusuhan kaum
15. Strategi yang paling berkesan dalam mendapatkan sokongan (Y) terhadap kerajaan ialah
- A. menyediakan bantuan kewangan
  - B. kebebasan bersuara dalam akhbar-akhbar
  - C. penubuhan sebuah parti politik yang sah
  - D. melonggarkan syarat kewarganegaraan
16. Kaum India turut memberikan sokongan terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1942-1945) kerana
- A. Jepun menyokong gerakan pembebasan India dari penjajahan British
  - B. ramai kaum India mendapat tempat dalam bidang pentadbiran semasa pendudukan Jepun.
  - C. Jepun menggalakkan kerjasama politik di antara mereka dengan orang Melayu
  - D. British memberikan layanan yang buruk kepada mereka sebelum kedatangan Jepun.
17. 'Operasi' Perang Saraf yang dilancarkan oleh Sir Gerald Templer adalah bertujuan untuk
- A. memaksa PKM menyerah diri
  - B. memenangi hati dan minda rakyat
  - C. melaksanakan dasar bertolak ansur
  - D. menggalakkan rakyat berperang secara sulit dengan PKM

Soalan 18 adalah merujuk kepada rajah di bawah.



18. Rajah di atas merujuk kepada proses ke arah penubuhan Malaysia. Apakah Z?
- A. Jawatankuasa Antara Kaum (JAK)
  - B. Konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia
  - C. Suruhanjaya Cobold
  - D. MAPHILINDO
19. Berikut ini adalah kenyataan yang **BENAR** mengenai Kerajaan Tempatan di Malaysia **KECUALI**
- A. perantikan Ahli Majlis (Councillors) adalah dibawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan sendiri.
  - B. bertanggungjawab dalam hal ehwal cukai dan sewa
  - C. boleh mengadakan Kumpulan Wang di bawah kawalannya sendiri
  - D. membuat undang-undang kecil (By-Laws)
20. Jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri terdiri daripada badan-badan berikut
- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan
  - ii. Jabatan Negeri
  - iii. Suruhanjaya Negeri
  - iv. Perbadanan Awam Negeri
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv

21. Dasar Penswastaaan yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mac 1983 adalah bertujuan untuk
- mengurangkan beban kewangan kerajaan
  - meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja
  - menggalakkan pertumbuhan ekonomi
  - mempercepatkan pencapaian hasrat DEB
- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. ii, iii dan iv  
D. i, ii, iii dan iv
22. Dasar Persyarikatan Malaysia menggariskan tiga matlamat utama iaitu
- mewujudkan kerjasama erat, bermakna dan berkesan antara sektor awam dan swasta
  - menghapuskan sifat permusuhan di antara kedua-dua sektor awam dan swasta
  - meningkatkan hasil negara
  - mengurangkan beban kewangan kerajaan
- A. i, ii dan iii  
B. i, ii dan iv  
C. ii, ii dan iv  
D. i, ii, iii dan iv
23. Faktor berikut adalah penting dalam peribentukan Kebudayaan Kebangsaan **KECUALI**
- dapat mengukuhkan perpaduan
  - dapat mengetepikan semua kebudayaan lain
  - melambangkan keperibadian negara
  - menggayakan nilai hidup masyarakat Malaysia
24. Semua pernyataan berikut mengenai pilihanraya adalah betul **KECUALI**
- Orang-orang yang layak mengundi ialah warganegara yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun
  - Seseorang pengundi yang berkelayakan boleh mengundi hanya jika namanya telah didaftarkan dalam Daftar Pengundi
  - Suruhanjaya Pilihanraya adalah bebas dari kawalan kerajaan
  - Pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam masa 90 hari selepas pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri
25. Kuasa tertinggi di Malaysia ialah
- Yang DiPertuan Agong
  - Perdana Menteri
  - Badan Kehakiman
  - Perlembagaan Malaysia

26. Tolak ansur di antara UMNO dan MCA dalam penyerahan memorandum kepada Suruhanjaya Reid juga dikenali sebagai:

- i. Pakatan Murni
- ii. Quid Pro Quo
- iii. 4 + 1
- iv. Kompromi Merdeka

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

27. Berikut adalah berkenaan dengan Majlis Raja-raja **KECUALI**

- A. berkuasa memilih Yang DiPertuan Agong dan Timbalannya
- B. mempunyai seorang Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang juga menjadi pengerusi majlis itu
- C. mengandungi Raja-raja dan Gabenor-gabenor
- D. memberi persetujuan atau penolakan mengenai adat istiadat agama Islam bagi seluruh persekutuan

28. Di antara perkara berikut yang manakah mengenai sistem perlembagaan Malaysia.

- A. Ia menentukan hak-hak asasi rakyat
- B. Ia merupakan kuasa kedua tertinggi selepas Yang DiPertuan Agong
- C. Ia mempunyai kuasa yang tiada batasan
- D. Ia adalah pemusatan kuasa dalam pentadbiran negara Malaysia

29. Dalam proses tawar-menawar untuk mendapatkan kemerdekaan beberapa perkara telah dipersetujui dan diterima antaranya ialah

- i. Bahasa Melayu
- ii. Keadudukan Istimewa Orang Melayu
- iii. hak untuk menjadi pengundi
- iv. kerakyatan

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. i, ii, iii dan iv

30. "Tutup sekolah vernakular dan digantikan dengan sekolah kebangsaan" merupakan salah satu syor yang berkaitan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Syor di atas terdapat dalam
- A. Laporan Razak (1956)
  - B. Laporan Rahman Talib (1960)
  - C. Jawatankuasa Barnes (1950)
  - D. Jawatankuasa Fern - Wu (1951)
31. Yang manakah di bawah ini **BUKAN** merupakan tujuan Perlembagaan
- A. Menjadi undang-undang pada rakyat
  - B. Penegak keadilan
  - C. Penjamin kedaulatan sesebuah negara
  - D. Menjamin hak Raja
32. Pilih kenyataan yang paling sesuai yang menggambarkan tujuan **UTAMA** Perlembagaan Persekutuan.
- A. Sebagai alat dan garis panduan dalam sebarang penggubalan dasar negara
  - B. Pandu arah utama bagi mewujudkan perpaduan dalam masyarakat
  - C. Mendapat pengiktirafan dari pihak antarabangsa
  - D. Mengukuhkan kuasa pihak pemerintah
33. Sesebuah negara itu bukan hanya setakat mesti mempunyai satu perlembagaan, tetapi perlembagaan itu mestilah berupaya
- i. mewujudkan satu pemerintahan yang adil
  - ii. kekal sepertimana yang sedia ada
  - iii. menjamin kebahagiaan rakyat jelata
  - iv. mengawal kuasa yang diberi kepada badan pemerintah
- A. i, ii
  - B. i, ii, iii
  - C. i, iii, iv
  - D. ii, iii, iv
34. Peringkat pentadbiran negeri yang paling rendah sekali ialah
- A. Daerah
  - B. Kampung
  - C. Mukim
  - D. Jajahan

35. Selain dari tujuan untuk mencapai kemerdekaan, apakah sebab-sebab sampingan yang telah mendorong rakyat Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Malaysia?
- Dorongan British
  - Bimbangkan perluasan kuasa Indonesia ke atas Borneo
  - Perwatakan dan kewibawaan Tunku sebagai Perdana Menteri Tanah Melayu
  - Ketegasan Tanah Melayu dalam menentang Komunis
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. ii dan iii  
D. iii dan iv
36. Pilih kenyataan yang **tidak** berkait dengan hasrat Tunku untuk menubuhkan Malaysia.
- memberikan kemerdekaan yang lebih cepat kepada Sabah, Sarawak dan Singapura
  - masalah keselamatan di Asia Tenggara
  - mengembalikan idea 'pakatan murni'
  - memberikan kepentingan politik dan ekonomi kepada Tanah Melayu dan Singapura
37. Berdasarkan sejarah, faktor **paling utama** yang membawa kepada tercapainya pembinaan negara bangsa ialah jika negara dapat menggembelingkan seluruh rakyat ke arah
- nasionalisme
  - kekukuhan politik
  - kekayaan ekonomi
  - kekuatan tentera
38. Akta Pelajaran 1961 yang merupakan asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi Malaysia adalah berdasarkan
- Laporan Barnes
  - Laporan Razak
  - Laporan Fern-Wu
  - Laporan Rahman Talib
- A. ii sahaja  
B. iv sahaja  
C. ii dan iv  
D. i, ii dan iii
39. Perwujudan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia berdasarkan tiga prinsip penting yang telah ditetapkan dalam
- Majlis Kebudayaan Kebangsaan
  - Jawatankuasa Kebudayaan Kebangsaan
  - Kongres Kebudayaan Kebangsaan
  - Majlis Mesyuarat Kebangsaan

40. Badan-badan berkanun kerajaan mempunyai kuasa autonomi di dalam perkara -perkara berikut KECUALI

- A. Hal ehwal Kewangan
- B. Undang-undang Kecil
- C. Perlantikan kakitangan
- D. Hal ehwal Tanah

BAHAGIAN B (SOALAN STRUKTUR)

30 MARKAH

Arahan : Sila jawab 5 soalan sahaja

1. Nyatakan **3 faktor utama** mengapa gerakan awal menentang penjajahan Inggeris di Tanah Melayu menemui kegagalan

1 .....

2 .....

3 .....

2. Nyatakan **3 langkah utama** yang telah diperkenalkan oleh Sir Henry Gurney dalam usaha menghapuskan ancaman Parti Komunis Malaya (PKM)

1 .....

2 .....

3 .....

3. Nyatakan **3 kepentingan** mengapa perlu wujudnya perlembagaan disesebuah negara.

1 .....

2 .....

3 .....

4. Nyatakan **3 perkara** yang merupakan antara ciri-ciri utama Kabinet.

1 .....

2 .....

3 .....

5. Nyatakan **3 cabaran** yang terdapat dalam Wawasan 2020

1 .....

2 .....

3 .....

6. Nyatakan **3 matlamat utama** Rukun Negara sepertimana yang digariskan oleh Majlis Perundangan Negara 1971.

1 .....

2 .....

3 .....

**BAHAGIAN C ESEI PANJANG**

**(20 MARKAH)**

**Arahan: Sila jawab satu soalan sahaja.**

1. "13 Mei 1969 adalah satu catatan peristiwa hitam dalam lipatan sejarah negara. Bagaimanapun ia mempunyai rahmat yang terselindung dalam konteks pembinaan negara.

Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada masalah perhubungan dan perpaduan kaum akibat dari dasar kolonialisme Inggeris dan kesannya dalam konteks pembinaan bangsa dan negara.

2. Menurut Doktrin Pengasingan Kuasa yang telah ditetapkan di dalam perlembagaan negara ini, kuasa-kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman perlu berfungsi secara berasingan, tanpa sebarang pertindihan. Berdasarkan pemahaman anda, bincangkan secara kritis pengamalan doktrin tersebut di Malaysia dan hubungannya dengan perkembangan muta'akhir di negara ini.